



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

DIANJUNG SEPERTI PAYUNG, DIAMBAK SEPERTI KASUR

Tarikh Dibaca :

**14 MUHARRAM 1444H/
12 OGOS 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إدارة تكملة واز اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

DIANJUNG SEPERTI PAYUNG, DIAMBAK SEPERTI KASUR¹

14 MUHARRAM 1444H / 12 OGOS 2022

أحمد لله القائل:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

الرِّجَالُ قَوْمُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ
فَأَلْصَحَتْ قَنَبَتُ حَنْفَلَتْ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ
وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ

عَلِيًّا كَبِيرًا ﴿٣٦﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperoleh keberkatan dan keredhaan serta perlindungan daripada Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Dianjung Seperti Payung, Diambak Seperti Kasur**”.

Sebelum itu, khatib ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid, melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* serta memelihara hubungan

¹¹ Orang yang mulia / dimuliakan; yang disanjung tinggi

silaturrahim. Panjatkan doa buat saudara-saudara kita yang ditindas terutamanya di Palestin dan teruslah bertaubat dan bermunajat kepada Allah SWT agar segala ujian dan kesusahan yang kita hadapi dipermudahkan oleh Allah SWT.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Allah SWT menciptakan kaum lelaki dengan beberapa potensi berbanding kaum wanita. Al-Syahid Sayyid Qutb rahimahullah dalam tafsir *Fi Zilalil Quran* menyatakan bahawa kaum lelaki dibekalkan dengan ciri-ciri keberanian, kekuatan, emosi yang terkawal, reaksi yang perlahan, menggunakan kesedaran dan fikiran sebelum bertindak dan memberi reaksi.

Allah SWT juga telah menetapkan bahawa kaum lelaki yang bertindak menerajui kepimpinan dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Antara tanggungjawab dan peranan kaum lelaki ialah memimpin dan mendidik kaum perempuan (isteri) dan seluruh ahli keluarga mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisaa ayat 34 yang dibacakan pada awal khutbah tadi bermaksud:

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolongan-Nya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Selain itu juga, kaum lelaki diberikan kewajipan untuk memberi nafkah kepada isteri dan anak-anaknya. Jika mereka tidak mempunyai bapa, maka datuk wajib mengambil tanggungjawab tersebut dan begitulah seterusnya. Nafkah bermaksud menyediakan makan minum yang mengenyangkan untuk isteri dan anak-anak. Tidak kiralah jika hari-hari lauk yang sama, ia tetap dikira sebagai nafkah. Wang belanja harian juga perlu diberikan kepada isteri dalam kadar yang sesuai mengikut kemampuan. Seorang suami yang tidak memberikan wang saku yang sesuai kepada isteri tanpa sebarang sebab munasabah juga sudah dikira melakukan keganasan kewangan kepada isteri, lebih-lebih lagi jika isterinya seorang suri rumah.

Jika si suami enggan memberi nafkah kepada si isteri, maka si isteri berhak mengambil duit suami tanpa pengetahuannya mengikut kadar keperluan belanja keluarga. Pernah terjadi pada zaman Rasulullah seperti yang diriwayatkan oleh A'isyah radhiallahu anha, pada suatu hari Hindun Binti 'Utbah iaitu isteri kepada Abu Sufyan datang menemui Rasulullah untuk mengadu perihal suaminya. Beliau berkata: "Sesungguhnya Abu Sufyan ini seorang lelaki yang kedekut. Dia tidak memberi nafkah yang mencukupi untuk aku dan anakku. Kalaupun cukup disebabkan aku ambil daripada hartanya tanpa pengetahuannya. Adakah perbuatanku itu salah? Sabda Rasulullah SAW: "Ambillah daripada hartanya dengan cara yang baik yang cukup untuk engkau dan anak engkau".
(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Tanggungjawab seorang lelaki juga – yakni para bapa – ialah memberikan didikan agama yang mantap kepada seluruh ahli keluarganya. Didikan agama sangatlah penting dalam mempersiapkan anak-anak dengan akidah yang kukuh menghadapi cabaran hidup yang semakin mencabar dari semasa ke semasa. Lihat sahaja kebelakangan ini, semakin banyak ajaran dan fahaman menyeleweng yang muncul dan telah merosakkan pegangan akidah. Munculnya terlalu banyak ajaran dan fahaman yang menyeleweng ini sudah tentu kerana kejahilan sama ada dari kalangan pengikut mahupun kejahilan pembawa ajaran sesat tersebut.

Selain itu, ketamakan mengejar kesenangan dunia juga merupakan faktor munculnya ajaran-ajaran sesat ini. Para pembawa ajaran sesat ini ghairah mencari pengikut untuk

mengumpul kemewahan dan keseronokan duniawi. Mereka memperdaya orang lain untuk tujuan itu. Mereka juga berdamping dengan jin dan syaitan sedangkan hakikatnya mereka juga telah diperdaya. Inilah yang disebut oleh Allah SWT sebagai orang-orang yang rugi sebagaimana firman-Nya dalam Surah Fussilat ayat 25:

﴿وَقَيَّضْنَا لَهُمْ قُرَنَاءَ فَزَيَّنُوا لَهُمْ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَحَقَّ عَلَيْهِمُ الْقَوْلُ فِي أُمَمٍ قَدْ

خَلَّتْ مِنْ قَبْلِهِمْ مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ إِنَّهُمْ كَانُوا خَسِرِينَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “Dan Kami adakan untuk mereka teman-teman rapat (dari jin dan manusia), lalu teman-teman itu memperhiaskan kepada mereka (fahaman-fahaman sesat) mengenai perkara-perkara dunia yang ada di hadapan mereka, serta perkara-perkara akhirat yang ada di belakang mereka; dan (dengan sebab itu) tetaplah hukuman (azab) atas mereka bersama-sama dengan umat umat (yang sesat) dari jin dan manusia yang terdahulu daripada mereka. Sesungguhnya mereka semuanya adalah golongan yang rugi (bawaan hidupnya)”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Usaha membasmi dan membanteras ajaran sesat merupakan satu usaha berterusan yang telah dipelopori sejak generasi awal Islam dan diteruskan oleh pihak berkuasa agama negeri sehingga kini. Imam al-Ghazali misalnya, berusaha mempertahankan akidah umat Islam daripada dipengaruhi oleh pemikiran falsafah Greek melalui kitabnya *al-Munqiz min Dhalal* dan *Tahafatul Falasifah*. Manakala pada hari ini pula, undang-undang digubal di bawah bidang kuasa negeri dengan penguat kuasa agama diberi peranan menjalankan tugas melalui peruntukan undang-undang dalam mempertahankan akidah umat Islam dari dicemari dengan kefahaman yang sesat dan menyeleweng. Masyarakat awam pula boleh membantu dengan menyalurkan maklumat-maklumat sebarang aktiviti yang menyeleweng. Tugas ini juga termasuk dalam tanggungjawab melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*.

Sungguhpun ada peruntukan undang-undang bagi pengamal ajaran-ajaran sesat ini, ia bukanlah semata-mata untuk menghukum mereka bahkan matlamat utamanya ialah untuk memulihkan akidah mereka supaya dapat kembali ke landasan ajaran Islam yang sebenar. Ia bukan mengutamakan hukuman kepada pesalah tetapi yang lebih mustahak

ialah umat Islam tidak terpengaruh dengan ajaran sesat tersebut dan mereka yang telah terlibat dapat peluang untuk kembali bertaubat kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ

وَيُدْخِلَكُم جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يَوْمَ لَا يُخْزِي اللَّهُ النَّبِيَّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan "Taubat Nasuha", mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, pada hari Allah tidak akan menghinakan Nabi dan orang-orang yang beriman bersama-sama dengannya;”*. (Surah al-Tahrim ayat 8)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Sedarlah bahawa tanggungjawab kita kini semakin berat. Maka asasnya, para ibu dan bapa khususnya mesti mempersiapkan anak-anak dengan didikan agama yang mantap. Kita tidak dapat membayangkan cabaran yang mereka akan hadapi pada masa akan datang. Namun, sudah tentu ia pasti lebih mencabar. Oleh itu, sebelum kita semua menutup mata meninggalkan mereka, persiapkanlah anak-anak dengan didikan agama yang mantap supaya ia akan menjadi benteng yang berfungsi sebagai tembok penghalang sebarang kemasukan fahaman dan ajaran yang menyeleweng. Semoga Allah SWT menjauhkan kita dan ahli keluarga semua daripada fitnah dan kesesatan.

Insya-Allah, pada pagi esok iaitu 13 Ogos 2022 juga, Program Qiamullail Perdana Siri Kedua akan diadakan di Masjid Putra, Putrajaya bermula jam 4:30 pagi. Jadi, marilah seluruh warga Putrajaya dan yang berhampiran hadir untuk kita sama-sama bermunajat kepada Allah SWT agar kita semua sentiasa berada dalam pertolongan, keredhaan dan rahmat Allah SWT.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin meninggalkan beberapa pesanan sebagai penutup:

Pertama: Kaum lelaki diberi beberapa potensi bagi tujuan menerajui kepimpinan dalam sesebuah keluarga. Maka, tunaikanlah amanah dan tanggungjawab yang telah

diamanahkan dengan sebaiknya. Dengan terlaksananya amanah, barulah seorang lelaki itu “*dianjung seperti payung, diambak seperti kasur*”.

Kedua: Peranan ibu bapa sangat penting dalam menyediakan anak-anak mereka dengan ilmu agama yang mantap bagi mereka mendepani cabaran masa hadapan.

Ketiga: Pintu taubat sentiasa terbuka kepada hamba-hamba-Nya yang melakukan kesalahan dan ingatlah bahawa Allah SWT sebaik-baik Yang Memberi Pengampunan.

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُ
إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾

Maksudnya: “Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah -, dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya)”. **(Surah ali Imraan ayat 135)**

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اكَوْغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اكَوْغْ، تُونُكُو حَاجِهِ عَزِيزُهُ أَمِينُهُ مِيمُونُهُ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَه وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُنْكَرَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
 وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.